

Pak Lah hormati sumbangan anak seni

Pemergian Perdana Menteri Kelima Allahyarham Tun Abdullah Ahmad Badawi, jam 7.10 malam kelmarin di Institut Jantung Negara (IJN) meninggalkan impak kepada industri seni tanah air.

Sepanjang mentadbir antara 2003 hingga 2009 bukan sedikit bakti dicurahkan pemimpin yang mesra dengan panggilan Pak Lah, apatah lagi, terkenal dengan sikap merendah diri demi kebajikan warga seni.

Presiden Persatuan Penerbit Televisyen Malaysia (PTVM), Datuk Jurey Latiff Rosli, berkata pemimpin yang dikenali dengan konsep Islam Hadhari itu sentiasa menyokong acara membabitkan industri seni kreatif.

"Dalam kesibukannya sebagai Perdana Menteri, Pak Lah tetap meluangkan masa menghadiri Anugerah Seri Angkasa pada 2006.

"Saya masih ingat ketika itu naskhah arahan saya berjudul *Hari Terakhir Seorang Perempuan* menang dalam kategori Drama TV Terbaik dan Pengarah Drama Terbaik.

"Ketika itu, Pak Lah ada bersama untuk meraikan kemenangan kami. Jarang seorang pemimpin sanggup meluangkan masa untuk meraikan anak

seni," katanya kepada *HIP*.

DJ Dave bertemu Pak Lah

Sementara itu, Pengerusi Yayasan Kebajikan Artis Tanah Air (YKAT), Datuk DJ Dave sempat hadir memberikan penghormatan terakhir kepada Allahyarham Abdullah di Masjid Negara.

Katanya, dia sempat bertemu dengan Allahyarham, beberapa bulan lalu. Walaupun tidak dapat berkomunikasi, beliau tetap gembira dapat peluang berjumpa. "Beliau menggemari lagu *Ingin Bersua*, jadi beberapa bulan lalu saya sempat mengatur pertemuan bersama Pak Lah.

"Kita kehilangan seorang pemimpin yang prihatin dengan lapisan masyarakat tidak kira artis, nelayan mahupun petani," katanya.

Presiden Persatuan Seniman Malaysia (SENIMAN), Zed Zaidi menyifatkan Allahyarham Abdullah antara pemimpin negara yang memandang serius aspek kemajuan industri seni kreatif.

Sudah terbabit sebagai Ahli SENIMAN ketika era kepimpinan Allahyarham Abdullah, Zed berkata, beliau banyak menekankan penerapan modal insan selari dengan visi dan misi kerajaan.

"Zaman Pak Lah antara pemimpin yang membantu perkembangan industri. Beliau menubuhkan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KeKKWa).

"Pada masa itu, ada penubuhan Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) termasuk peningkatan dana infrastruktur seni termasuk keterbukaan kepada industri.

"Selain itu, di bawah kepimpinan Pak Lah terdapat penerimaan teknologi baharu dalam industri kreatif hingga semakin berkembang," katanya.

Tambah Zed, beliau juga memfokuskan kepada keterbukaan Islamik terhadap industri seni kreatif.

"Saya boleh katakan disebabkan keterbukaan Islamik, banyak filem berunsur kerohanian mula diangkat. Melalui KeKKWa, ada penambahan dana untuk sokongan industri daripada sudut Dana Kandungan atau geran kepada filem tempatan.

"Ini secara tak langsung menambah karya tempatan dan memberi peluang pekerjaan dalam sektor seni. Ini yang kita nampak usaha beliau semasa kepimpinan sebagai Perdana Menteri," katanya.

Iktiraf anak seni

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Pengarah Filem Malaysia (FDAM), Datuk Afdlin Shauki menyifatkan Allahyarham Abdullah antara pemimpin negara sentiasa mengiktiraf anak seni.

"Kadang-kadang apabila terdapat anak seni dalam mana-mana acara, beliau akan datang menyapa dan ucapkan terima kasih kerana buat masyarakat gembira.

"Beliau akan puji dan cakap perkara ini jika berjumpa. Itu antara perkara yang saya akan ingat sebab Pak Lah menghormati sumbangan anak seni dalam negara ini.

"Beliau sangat baik semasa menjadi Perdana Menteri. Sebagai anak seni, saya rasa terharu kerana dihormati individu penting seperti beliau," katanya.

Mengenai sumbangan Allahyarham Abdullah semasa menjadi Perdana Menteri, Afdlin berkata, Pak Lah sentiasa menzahirkan sokongan dan berusaha memperkenalkan budaya negara di mata dunia.

"Banyak sumbangan dilakukan, namun apa yang saya masih ingat ketika di Festival Asia Pasifik di Jakarta, Indonesia pada era kepimpinan beliau," katanya.

"Kita kehilangan seorang pemimpin yang prihatin dengan lapisan masyarakat tidak kira artis, nelayan mahupun petani"



DJ Dave,
Pengerusi YKAT

"Saya boleh katakan disebabkan keterbukaan Islamik, banyak filem berunsur kerohanian mula diangkat"



Zed Zaidi,
Presiden
SENIMAN